

REALITI KEPELBAGAIAN KAUM KE ARAH PERPADUAN NASIONAL PASCA MERDEKA

**Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim
& Nurliana Suhaini**
abdaziz@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Kemajmukan memperlihatkan kepelbagaian berasaskan identiti setiap etnik. Kepelbagaian menjurus kepada perbezaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat yang kemudiannya menjadi cabaran kepada pembinaan identiti kebangsaan dan perpaduan nasional. Matlamat membina sebuah masyarakat yang berasaskan negara-bangsa perlu seiring dengan perpaduan dalam kalangan pelbagai etnik. Pemimpin Tanah Melayu yang kemudiannya membentuk Persekutuan Malaysia sejak sebelum kemerdekaannya telah merintis jalan perpaduan pelbagai kaum melalui Kontrak Sosial. Permuafakatan tersebut kemudiannya diterjemahkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan kekal hingga kini. Tidak seperti Indonesia dan Thailand, Malaysia mempraktikkan cara dan acuannya yang tersendiri untuk membina perpaduan nasional dan membentuk identiti kebangsaan di samping memastikan hubungan antara kaum sentiasa terpelihara.

Kata kunci :Kemajmukan, perpaduan nasional, negara-bangsa, asimilasi, permuafakatan.

REALITY OF MULTIETHNICSTOWARDSNATIONAL UNITY OF POST-INDEPENDENCE

ABSTRACT

Diversity reflects to multicultural based on ethnic identity. Diversity is tending to existance of differences seen in society which unfortunately becoming main challenges to the formation of national identity and national unity. The formation of state-based community should have to be in line with the unity of multi ethnic. Tanah Melayu and later, Malaysia leaders, had pioneered ethnic unity since pre-independence via the Social Contract. The consensus later was applied during the formulation of Malaya Federal Contitution 1957 by Reid Commission and remains to date. Malaysia practising the unique own mold and local distinctive way to build national unity and national identity, instead of Indonesia and Thailand assimilation, and at the same time ensuring inter-ethnic harmonious relation remain consistent.

Keywords: *Diversity, national unity, nation-state, assimilation, consensus.*

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan perpaduan berasal daripada kata akar “padu”, iaitu yang bererti bergantung, bersatu, bercampur untuk menjadi satu, kukuh dan utuh, bermuafakat dan berunding dengan bersungguh-sungguh. Perpaduan dalam konteks wacana ini membawa maksud rakyat Malaysia yang berbilang kaum mestilah bersatu hati dalam pelbagai perkara bagi menyelesaikan masalah, bermuafakat dalam semua hal, bekerjasama antara satu sama lain dan berunding untuk bersatu agar menjadi satu bangsa yang kuat. Perpaduan juga merujuk kepada penyatuan kepelbagaian etnik dalam sesebuah negara bertepatan dengan slogan *unity in diversity* (perpaduan dalam kepelbagaian) serta mengiktiraf kewujudan kepelbagaian (Shaharuddin Badaruddin 2007).

Perpaduan adalah asas kepada pembinaan negara bangsa dan harus dipupuk amalannya dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Konsep 1Malaysia merupakan salah satu gagasan yang dicetuskan Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Razak bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Gagasan ini merupakan satu formula bagi membantu merealisasikan impian negara untuk mencapai Wawasan 2020 dalam suasana kepelbagaian yang harmoni dan stabil. Antara nilai yang ditekankan dalam gagasan ini ialah sikap penerimaan dalam kalangan pelbagai etnik terhadap etnik yang lain. Sikap penerimaan yang ingin diwujudkan merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi bagi membolehkan setiap keunikan pelbagai etnik saling dikongsi, dihormati dan diterima sebagai lambang identiti kebangsaan.

Perpaduan masyarakat juga diibaratkan sebagai tiang kemakmuran dan kedamaian negara di samping menyumbang kepada keamanan dan kestabilan. Sekiranya kepelbagaian menjadi punca percanggahan dan pertelagahan, suasana damai yang diimpikan dilihat sukar untuk dikekalkan sekiranya setiap etnik bersifat etnosentrik. Situasi ini pernah termaktub dalam sejarah negara apabila meletusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang menyebabkan hubungan etnik di Malaysia berada dalam keadaan yang begitu genting dan tegang. Suasana kucar-kacir, pertumpahan darah, keganasan dan kematian amat membimbangkan terutamanya bagi mereka yang pernah melalui sendiri detik tersebut (Abdul Rahman Ismail 2007).

Salah satu formula mencegah ketegangan hubungan etnik masa kini ialah kembali kepada memahami dan menerima Kontrak Sosial. Pada umumnya, Kontrak Sosial adalah persetujuan bersama antara kaum-kaum yang berbeza di Tanah Melayu untuk saling menerima, memahami, menghormati dan bertolak ansur mengenai status quo masing-masing dalam usaha mewujudkan perpaduan ke arah kemerdekaan. Ianya adalah semangat dalaman yang tidak semata-mata dihujahkan melalui sudut pandang perundangan dan perbincangan ilmiah, tetapi juga nilai dan sentimen sejarah negara. Sejarah adalah pengajaran. Ungkapan seorang ahli falsafah, George Santayana, "*Those who forget history are doomed to repeat it*" amat relevan dan signifikan dalam perbincangan mengenai sisi hitam sejarah negara dan pengajarannya. Pengetahuan sejarah khususnya punca berkaitan peristiwa 13 Mei 1969 berupaya mencegah masyarakat daripada mengulangi kesilapan tersebut. Melalui sejarah juga masyarakat dapat mengetahui dan memahami latar belakang negara ini dan sentiasa mengambil iktibar daripada peristiwa yang pernah terjadi (Wan Liz Ozman 2000).

Kontrak Sosial

Menelusuri sejarah negara, asas permulaan pembinaan perpaduan di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan negara adalah melalui persetujuan bersama Kontrak Sosial dalam kalangan pemimpin Melayu dan bukan Melayu. Persetujuan ini dicapai setelah rundingan dan tolak ansur dilakukan hasil permuafakatan parti-parti politik berasaskan kaum yang diwakili iaitu Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC). Kontrak Sosial tidak harus dianggap sebagai persetujuan pemimpin atau kelas elit kaum-kaum berkenaan sahaja tetapi merupakan simbolik kepada peretujuan pemimpin yang mewakili kaum masing-masing. Permuafakatan itu mendapat sokongan rakyat yang dibuktikan dengan kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya umum pertama negara pada 1955 (Abdul Manaf Ahmad 2009). Persetujuan dan penerimaan telah dicapai oleh generasi terdahulu yang telahpun merintis jalan perpaduan untuk generasi berikutnya. Faktanya ialah, Kontrak Sosial adalah persetujuan atau janji dua belah pihak yang dicapai melalui proses

muafakat dan musyawarah demi pembentukan sebuah negara merdeka yang perlu bertunjangan perpaduan penduduk berbilang kaum pada ketika itu. Walaubagaimanapun, Kontrak Sosial kini tidak lagi dianggap perintis perpaduan yang perlu diteruskan oleh sesetengah pihak yang enggan mengenang sejarah negara khususnya berkaitan Kontrak Sosial.

Masyarakat majmuk menurut pandangan Furnivall (1948), merujuk kepada masyarakat yang dicirikan dengan perpecahan akibat wujud perbezaan dari segi ras dan etnik. Selain itu pengasingan kegiatan ekonomi dan sosial akibat Dasar Pecah dan Perintah British menyumbang kepada isolasi keetnik daripada etnik yang lain sehingga memudahkan berlakunya ketegangan dan ketidakstabilan hubungan etnik. Kemajmukan di Malaysia adalah impak era kolonial British yang telah menjalankan dasar campur tangan dalam struktur sosio-politik masyarakat Melayu tradisi. Selain itu faktor migrasi masyarakat asing khususnya dari Tanah Besar China dan India turut membentuk kemajmukan kaum. Kehadiran imigran tersebut menjadi sumber bekalan buruh kepada British untuk mengerjakan kegiatan perlombongan bijih timah dan pengeluaran getah di Tanah Melayu (Shamsul Amri 1997).

Menjelang detik menghampiri era kemerdekaan, Kontrak Sosial secara tersirat merupakan jalan menyelesaikan perbezaan kepentingan etnik masing-masing. Selain itu, untuk memastikan kepentingan majoriti dan minoriti diambil kira tanpa menjejaskan hak dan kepentingan, persetujuan yang dicapai perlulah kekal dan diwarisi turun-temurun demi memelihara perpaduan yang telah dibina suatu masa dahulu. Persetujuan dan penerimaan tersebut adalah janji yang diwariskan kepada generasi seterusnya untuk dipelihara agar tidak bercanggah atau dikhianati pada masa depan. Berdasarkan persetujuan Kontrak Sosial, orang Melayu menerima dan mengiktiraf orang Cina dan India sebagai warganegara yang sebenarnya beracukan konsep Jus Soli British tetapi telah diperkemas. Sebagai balasan dan penghargaan tersebut, orang Cina dan India mengiktiraf kedudukan dan keistimewaan orang Melayu dari segi bahasa, agama Islam, kedaulatan raja-raja Melayu dan hak-hak istimewa lain yang diperuntukkan kepada orang Melayu (Abdul Manaf Ahmad 2009).

Kemerdekaan yang dikecapi secara tidak langsung telah melahirkan sebuah negara yang bebas daripada penjajahan dan rakyat yang perlu mempunyai satu identiti kebangsaan. Pembentukan sebuah negara merdeka harus seiring dengan pembentukan bangsa negara tersebut agar menepati konsep negara-bangsa yang diidamkan. Negara-bangsa ditakrifkan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) sebagai negara berdaulat yang didiami oleh satu bangsa. Konsep negara-bangsa Malaysia yang diimpikan ialah negara berdaulat dan rakyat yang mempunyai satu identiti atau pengenalan yang sama. Kehidupan yang aman, bersatu padu dan berpegang kepada kepelbagaian tradisi sosiobudaya menunjukkan bahawa impian pembentukan negara-bangsa tidak menghadkan ras, suku kaum, agama ataupun kepercayaan (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010). Mok Soon Sang

(2009) berpandangan, membina negara-bangsa ialah untuk melahirkan warganegara yang berciri global dan patriotik. Pembentukan negara-bangsa juga pernah disuarakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam usaha mengejar sasaran negara maju pada tahun 2020. Gagasan Wawasan 2020 menyenaraikan pembinaan negara-bangsa sebagai cabaran pertama yang perlu diwujudkan seperti pernyataan berikut:

“Mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, mempunyai matlamat serupa dan dikongsi bersama, berintegrasi di peringkat wilayah dan antara kaum berasaskan persamaan hak dan keadilan”.

Cabaran mewujudkan negara-bangsa dalam Wawasan 2020 turut diserap sebagai ciri-ciri masyarakat negara-bangsa dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Antaranya bangsa Malaysia yang diinginkan ialah bangsa yang sejahtera, berintegrasi, menikmati kehidupan bersama yang berasaskan persamaan hak dan keadilan serta membentuk sebuah bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bahagi terhadap bangsa itu sendiri. Visi ini cukup besar untuk dilaksanakan memandangkan Malaysia telah mencapai kemerdekaan melebihi setengah abad yang lalu tetapi bangsa Malaysia yang diharapkan belum menjadi realiti apatah lagi untuk mencapai usia seiring dengan kemerdekaan negara.

Justeru, antara persoalan yang boleh dilontarkan dalam perbincangan makalah ini ialah apakah cabaran yang menjadikan usaha pembinaan negara-bangsa dan perpaduan nasional amat sukar untuk dicapai secara konsisten. Pembinaan negara-bangsa tidak hanya dicita-citakan di Malaysia tetapi ia adalah satu konsep global yang cuba diwujudkan di mana-mana negara merdeka berdasarkan kesesuaian dan acuan tempatan. Maka tidak salah untuk kita melihat situasi dan usaha pembinaan negara-bangsa di negara jiran, Indonesia yang disifatkan berjaya hasil pelaksanaan paksaan asimilasi. Persoalan kedua yang boleh dibincangkan ialah bagaimana Indonesia berhasil membina satu identiti kebangsaan iaitu Bangsa Indonesia yang bertapak kukuh dalam diri warganegaranya. Adalah menjadi kebanggaan rakyat Indonesia mengakui bahawa mereka adalah Bangsa Indonesia tanpa menyatakan identiti keetnikan lahiriah. Walaubagaimanapun, apabila membandingkan kejayaan pembinaan Bangsa Indonesia, ia bukan bererti pembinaan Bangsa Malaysia dilabelkan sebagai suatu kegagalan. Hal ini kerana pendekatan yang diambil oleh para pemimpin Malaysia lebih terarah kepada memelihara tradisi budaya pelbagai etnik. Maka kaedah dan falsafah pembinaan Bangsa Malaysia tidak serupa dengan konsep asimilasi pembinaan Bangsa Indonesia yang dikira lebih terkehadapan. Persoalan seterusnya adalah apakah realiti masa kini iaitu pendekatan dan kaedah yang dipraktikkan di Malaysia untuk meneruskan agenda pembinaan Bangsa Malaysia seterusnya mencapai matlamat perpaduan nasional. Perbincangan menjurus kepada dapatan

sumber-sumber terdahulu yang relevan bagi menjawab setiap persoalan yang telah dinyatakan mengikut turutan.

Realiti Cabaran Pembinaan Negara-Bangsa dan Merintis Perpaduan Nasional

Malaysia selepas setengah abad menyambut kemerdekaannya masih bergelut dengan pencarian identiti kebangsaan dan pembentukan perpaduan nasional yang sewajarnya. Tempoh setengah abad bukanlah satu masa yang panjang sekiranya dibandingkan dengan pembinaan dan perkembangan sesebuah tamadun masa lalu. Sebagai negara yang dikira masih baru, yang diasaskan pada 1963 selepas membentuk Persekutuan Malaysia bersama Sabah dan Sarawak, tempoh ini masih terlalu muda untuk mencapai satu tahap perpaduan nasional ideal yang dicita-citakan. Abdul Rahman Embong (2000) menyatakan dari segi sejarah, bangsa Malaysia adalah satu konsep baru bagi rakyat berbilang kaum di negara ini walaupun pembentukan negara Malaysia sudah berlaku. Begitu juga apabila Malaya diisytiharkan merdeka, sebuah negara baru telah terbentuk tetapi bukannya bangsa Malaya dan konsep negara bangsa sebenarnya dilihat masih jauh untuk dicapai. Kenyataan sarjana ini menjelaskan bahawa pembentukan negara ini sekadar pembentukan wilayah geografi namun tidak membawa aspirasi perpaduan bangsa wilayah tersebut. Malahan polarisasi perkauman dalam kalangan penduduk Tanah Melayu menyebabkan perpaduan nasional perlu dibangunkan secara agresif ke arah pembinaan negara bangsa yang sebenar. Sekiranya wujud sekalipun perpaduan pada masa ini, ianya bersifat sementara, tidak holistik, malahan mungkin palsu kerana dinamikanya yang sentiasa mengalami perubahan mengikut peredaran dan perkembangan semasa.

Situasi ini bukan bersifat domestik kerana di kebanyakan negara lain yang juga sifatnya majmuk seperti Malaysia sentiasa memikirkan kaedah mengekalkan perpaduan nasional dalam kalangan masyarakatnya. Dengan kata lain isu pembentukan perpaduan nasional bukan satu isu statik yang dapat dicapai secara mutlak pada sesuatu masa tetapi bagaimana untuk mengekalkannya adalah satu usaha yang memerlukan pemantauan dan perundingan di peringkat tertinggi negara khususnya yang berkaitan sensitiviti dan diversiti masyarakat. Perpaduan nasional juga tidak dapat lari daripada konsep pembentukan negara bangsa. Manakala kedua-dua isu ini pula saling bersangkutan-paut dengan isu perbezaan kaum atau diversiti dalam kalangan masyarakat. Kerencaman dari segi bahasa, agama, kepercayaan, tradisi, budaya dan sebagainya adalah satu isu besar yang menuntut penerimaan secara total untuk mencapai perpaduan nasional yang diharapkan. Walaubagaimanapun, perbezaan inilah yang menjadi halangan utama dan cabaran besar kepada kepimpinan negara untuk merealisasikan kesepaduan dalam kepelbagaian. Maka pemaknaan dan pentafsiran istilah-istilah seperti 'perpaduan nasional', 'kesetiaan kepada negara', 'keharmonian' dan 'tolak ansur'

perlu difahami dan diterapkan dalam amalan dan kehidupan rakyat (Ruslan Zainuddin et.al 2005). Dalam konteks Malaysia, salah satu langkah yang diambil untuk menyatupadukan kepelbagaian masyarakat ialah dengan memelihara dan mengekalkan tradisi budaya setiap kaum sejak era kemerdekaan negara. Dasar kerajaan yang menginginkan citra identiti setiap kaum di Malaysia dikekalkan agar dapat diterjemah sebagai identiti kebangsaan inilah yang dimaksudkan sebagai cabaran besar kepada negara. Hal ini kerana setiap dasar yang digubal perlu mengambil kira faktor 'identiti kebangsaan' di samping mengangkat dasar afirmatif yang meletakkan kepentingan kaum Bumiputera sebagai keutamaan.

Dasar Afirmatif dan Tuntutan Hak Sama Rata

Kerencaman masyarakat perlu sentiasa diambil kira dalam setiap keputusan pembuatan dasar demi mencapai perpaduan nasional ideal. Walaupun ideal yang diinginkan itu bersifat *imagined* namun sekurang-kurangnya pertimbangan yang dilakukan adalah mengambil kira kepentingan semua kaum di samping masih mengekalkan dasar afirmatif. Apabila membincangkan soal dasar afirmatif, terdapat golongan yang tidak bersetuju dasar ini diteruskan dengan alasan pelaksanaan dasar pada ketika ini haruslah secara sama rata dari segi hak dan kepentingan semua kaum. Keterbukaan segelintir masyarakat masa kini mendorong mereka bersuara membantah pelaksanaan dasar afirmatif kerana dikatakan bersifat mendiskriminasi kaum selain Bumiputera. Hakikat bahawa Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Perkara 153 kepada Melayu dan Bumiputera masih dipertikai dan ditentang oleh sesetengah pihak yang enggan terlalu *nostalgic* terhadap persoalan mengapa orang Melayu dan Bumiputera diberi hak istimewa ketika penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Sejak pembentukan Malaysia pada 1963, konsep *Malaysian Malaysia* yang diperkenal oleh Lee Kuan Yew dan partinya, Parti Tindakan Rakyat (PAP) di Singapura merupakan satu cubaan untuk menentang arus pelaksanaan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Secara asasnya penentangan terhadap elemen utama kebudayaan atau ciri-ciri yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam dasar-dasar kerajaan merupakan satu perjuangan menuntut hak yang membelakangkan semangat kontrak sosial. Sejak pembentukan Persekutuan Malaya, ianya adalah pembinaan sebuah wilayah politik namun menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat bukan Bumiputera yang merasakan pemilikan tradisi dan budayanya yang semakin terhakis. Sehingga kini, permasalahan mulai timbul apabila wujud beberapa parti yang tidak lagi bersetuju dengan peruntukan Perlembagaan yang menyentuh isu-isu berkaitan kontrak sosial (Suhana Saad 2012). Sekali lagi, keterbukaan sesetengah pihak yang enggan terlalu *nostalgic* terhadap sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu seperti cuba melupakan kontrak sosial dan beralih kepada satu method baru pelaksanaan Perlembagaan Persekutuan yang lebih terbuka, liberal dan sama

rata dalam kalangan masyarakat *multiculturalism* Malaysia. Percanggahan pandangan antara golongan ini dengan kumpulan yang menyokong pelaksanaan dasar afirmatif merupakan salah satu faktor yang menjurang perpaduan nasional sejak sekian lama atau mungkin tanpa disedari ia mewujudkan keadaan *stable-tension* seperti yang diutarakan oleh Samsul Amri Baharudin.

Kerajaan masih mengekalkan pelaksanaan dasar afirmatif walaupun terdapat isu-isu yang membelenggu masyarakat mengenainya. Sememangnya isu ini merupakan isu politik namun apabila ia menjadi modal politik atau dipolitikkan kerana berpotensi dari sudut *political mileage* maka pelaksanaan dasar yang menyentuh *multiculturalism* sentiasa dikaji dan dirunding secara bersama agar tidak menimbulkan ketegangan kaum yang keterlaluan. Malaysia merupakan sebuah negara yang berada dalam keadaan *stable-tension* iaitu masyarakatnya hidup dalam kepelbagaian konflik dan perbezaan yang terkawal melalui kaedah rundingan dan konsensus yang berterusan (Shamsul Amri 2009). Jika ditinjau kenyataan dan pandangan daripada beberapa ahli politik pembangkang yang mewakili parti masing-masing, keakuran terhadap dasar afirmatif yang dilaksanakan kerajaan adalah bersifat akur semata-mata dan bukannya penerimaan sepenuhnya. Kerajaan juga dilihat dari semasa ke semasa mendengar permintaan dan mengadakan rundingan apabila terdapatnya tuntutan tertentu yang melibatkan hak dan kepentingan kaum tertentu. Langkah ini juga dilihat sebagai proses berkompromi untuk memelihara kestabilan pepaduan nasional yang sedang dibina. Asas formula perpaduan nasional di Malaysia ialah dengan menjadikan elemen Bumiputera sebagai tonggak tanpa menafikan kepelbagaian elemen kaum-kaum lain.

Sistem Persekolahan Vernakular

Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menyemai benih perpaduan terutamanya dalam kalangan generasi kanak-kanak di peringkat sekolah (Lee Lam Thye 2013). Dalam menjamin pembentukan negara bangsa yang ideal, nilai-nilai integrasi dan perpaduan haruslah disemai dari peringkat sekolah lagi (Yusfarina & Abdul Rasid 2011). Kenyataan ini sememangnya dipersetujui oleh banyak pihak dan kerajaan sendiri menggubal Falsafah Pendidikan Negara dan Dasar Pendidikan Negara dengan roh dan semangat menyatupadukan murid-murid berbilang kaum. Dasar kerajaan adalah jelas iaitu menggalakkan rakyat Malaysia berbilang kaum menghantar anak-anak ke Sekolah Kebangsaan agar dapat mewujudkan proses sosialisasi dan persekitaran pembelajaran yang harmoni dalam kalangan murid-murid berbilang kaum. Malahan pembinaan negara bangsa telah digariskan sebagai Teras Pertama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menjadi garis panduan dalam melaksanakan program pendidikan masa kini di Malaysia (Yusfarina & Abdul Rasid 2011).

Walaubagaimanapun, dilema yang menghambat para pemikir, golongan pendidik dan para aktivis perpaduan nasional ialah, kerajaan dalam masa yang sama masih mengekalkan sistem persekolahan mengikut aliran kaum atau sistem persekolahan vernakular. Perlu jelas difahami, dari segi latar belakang sejarah, kewujudan sistem persekolahan vernakular adalah disebabkan desakan kaum bukan Melayu yang tidak mahu bahasa dan kebudayaan mereka terhapus sehingga mencetuskan perbalahan politik. Hal ini meletus apabila wujud cadangan untuk melaksanakan sistem pendidikan seragam yang terkandung dalam Laporan Razak 1956 (Mohamad Rodzi 2009). Penggunaan bahasa ibunda masing-masing di sekolah yang berbeza telah menjadi penghalang utama dan menyukarkan pengintegrasian kaum untuk membentuk identiti nasional (Syakila Yacob 2006). Dari sudut pandang yang lain pula, pengekalan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah atas semangat muhibah demi memelihara identiti setiap kaum di Malaysia sejak awal kemerdekaan negara. Pasca peristiwa 13 Mei 1969, apabila berlakunya ketegangan dan rusuhan kaum antara Melayu dengan Cina, Sekolah vernakular diteruskan namun kerajaan mengambil keputusan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai agen perpaduan dengan menjadikannya sebagai bahasa perantara di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan bagi semua kaum.

Wacana berkaitan sistem persekolahan vernakular tidak pernah padam dan takkan pernah menjadi isu basi yang boleh dilupakan atau dianggap selesai. Sistem ini sentiasa dikaitkan dengan penghalang pembentukan perpaduan nasional di peringkat generasi kanak-kanak. Ironinya, walaupun dianggap sebagai penghalang pemupukan perpaduan nasional, sistem pendidikan vernakular adalah satu lagi bentuk kompromi kerajaan terhadap kaum-kaum di Malaysia untuk mengekalkan citra budaya dan identiti kaum supaya dapat mencapai kestabilan perpaduan nasional. Barangkali sukar untuk mencari kata putus yang tuntas kerana terdapat pro dan kon dalam membahaskan isu ini. Namun berdasarkan dua perspektif berbeza tersebut, sistem persekolahan vernakular ialah satu model yang mengaplikasikan frasa “perpaduan dalam kepelbagaian” jika diimplementasikan dengan cara kompromi yang bijaksana. “Kepelbagaian” ini juga boleh membawa penjelamaan tiga wajah iaitu wajah positif, wajah negatif dan wajah idaman bagi sesuatu dasar yang ingin dilaksanakan (Shamsul Amri & Anis Yusal 2014). Tidak boleh dinafikan bahawa teras perpaduan yang ingin dibina melalui sistem pendidikan tergugat apabila sistem persekolahan vernakular diteruskan. Lebih malang lagi apabila cadangan mengintegrasikan pelbagai kaum di bawah satu sistem pendidikan yang sama seperti Sekolah Wawasan ditolak oleh kumpulan-kumpulan yang ekstrem memperjuangkan hak kaum masing-masing.

Polarisasi Kaum dan Agama

Seperti masyarakat Indonesia, Malaysia juga dikategorikan sebagai negara yang mempunyai masyarakat berasaskan budaya (*culture-based*) namun dari segi pembentukan masyarakat berasaskan negara bangsa (*nation state-based*), Malaysia ketinggalan jika dibandingkan dengan Indonesia yang berjaya melaksanakan indoktrinasi “pengIndonesiaan” dalam kalangan rakyatnya yang berbilang etnik. Di Malaysia, migrasi masyarakat bukan Melayu ke negara ini sama ada disebabkan oleh penjajahan kuasa asing ataupun kerana faktor pergolakan politik di negara asal mereka telah mewujudkan masyarakat majmuk (Wan Norhasniah 2011). Dasar Pecah dan Perintah yang dilaksanakan oleh British telah meninggalkan kesan mendalam dan sukar untuk diubah. Masyarakat Melayu, Cina dan India kebiasaannya dibesarkan dalam persekitaran yang spesifik berdasarkan sosio-budaya keetnikan masing-masing. Perbezaan bahasa, amalan agama dan budaya kaum seakan sudah menjadi ‘alat’ yang membeza-bezakan kaum sehingga tidak kelihatan identiti Bangsa Malaysia atau *nation-state based community*. Seperti yang telah disebutkan, permasalahan ini berlaku disebabkan pemisahan fizikal tempat tinggal akibat faktor penjajahan, perbezaan aliran sekolah dan pengasingan diri mengikut kaum masing-masing disebabkan sifat perkauman yang masih menebal. Perpaduan yang wujud pada hari ini belum boleh dikatakan sebagai perpaduan nasional kerana perpaduan yang ada hanyalah perpaduan yang terbentuk dalam kalangan etnik yang sama (Shamsul Amri 2009). Hakikatnya kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan menggerakkan inisiatif untuk membawa perubahan ke arah semangat pembinaan perpaduan nasional serta pengintegrasian kaum dari semasa ke semasa. Walaubagaimanapun proses tersebut dan keberkesanannya tidak mengambil masa yang singkat untuk dilihat.

Corak perhubungan masyarakat di negara ini cenderung kepada dikotomi Melayu-Islam dengan Bukan Melayu-Bukan Islam. Kedua-dua kumpulan ini saling menegakkan status quo masing-masing dan faktor inilah yang dilihat oleh Shamsul Amri sebagai perpaduan dalam kalangan etnik atau kumpulan yang sama. Sebahagian yang lain pula bersifat liberal yang mahukan kesamarataan apabila membicarakan perkara-perkara yang menyentuh hak dan peruntukan istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan. Dikotomi ini akan sentiasa wujud selagi mana tidak terbentuk Bangsa Malaysia sebenar memandangkan kumpulan-kumpulan ini saling membawa aspirasi dan kepentingan berorientasikan kaum atau agama masing-masing. Sifat perkauman atau apa jua bentuk polarisasi merupakan penghalang terbesar dalam usaha pembentukan perpaduan nasional (Lee Lam Thye 2017). Isu-isu yang dibincangkan bukan bersifat fiksyen atau teori semata-mata, akan tetapi merupakan realiti kerencaman budaya di Malaysia yang sebenarnya memerlukan campur tangan kerajaan agar pembuatan dasar dan keputusan dilakukan secara berhemah dan diterima pelbagai pihak secara amnya.

Namun begitu, campur tangan kerajaan yang dimaksudkan di Malaysia tidak bererti kerajaan secara rigid memaksa kaum lain menerima atau mengamalkan kebudayaan sesuatu kaum majoriti dalam kehidupan seharian. Berbeza dengan hak dan peruntukan istimewa yang terkandung dalam Perlembagaan, perkara-perkara tersebut semestinya wajar diterima atas semangat masyarakat dan rakyat berperlembagaan. Kua (1985) berargumentasi bahawa, menjadikan budaya sesuatu kaum sebagai budaya dominan dalam pembentukan perpaduan nasional dan mengkonstruksi identiti kebangsaan adalah satu tindakan yang menghakis kebudayaan masyarakat minoriti. Pendapat ini juga tidak boleh diambil mudah kerana sekiranya polisi seperti ini diteruskan di Malaysia, kebarangkalian usaha pembinaan perpaduan nasional menemui jalan buntu akibat penentangan dan perjuangan mempertahankan hak budaya masing-masing. Walaubagaimanapun, berbeza situasinya di Indonesia apabila pemerintah Indonesia sejak kepimpinan Presiden pertamanya, Presiden Sukarno telah mengenakan pelbagai sekatan terhadap etnik-etnik minoriti daripada mengamalkan kebudayaan masing-masing kerana mahukan mereka berpegang kepada identiti Bangsa Indonesia dan Pancasila.

Ketegasan Presiden Sukarno menjalankan Indonesianisasi masyarakatnya yang berbilang kaum sejak awal kemerdekaan negara pada 1945 dapat dilihat hasilnya pada hari ini. Campur tangan pemerintah di Indonesia secara rigid selari dengan pandangan Rapael Utz (2005) dalam Suhana Saad (2012) yang mengatakan bahawa proses pembinaan perpaduan nasional merupakan campur tangan budaya yang dilakukan oleh kelas elit pemerintah yang mahu mencipta identiti kebangsaan dengan mengimplementasikannya terhadap populasi kaum lain.

Asimilasi di Indonesia

Indonesia terdapat lebih kurang 250 bahasa dan dialek serta adat yang berbeza. Terdapat empat lapisan unsur sejarah di Indonesia iaitu kebudayaan Indonesia asli, kebudayaan India, kebudayaan Arab-Islam dan kebudayaan moden Eropah-Amerika (S. Takdir Alisjahbana 2003). Asimilasi terjadi apabila terdapat interaksi sosial berlaku dalam masyarakat.

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) asimilasi bermaksud pemaduan pelbagai jenis atau berbagai-bagai unsur menjadi satu (seperti pemaduan unsur-unsur daripada kebudayaan yang berlainan menjadi satu kebudayaan). Menurut Koentjaraningrat (2003) asimilasi adalah suatu proses sosial yang terjadi kepada pelbagai golongan manusia dengan latar belakang kebudayaan yang berbeza setelah mereka bergaul secara intensif, sehingga sifat khas dari unsur-unsur kebudayaan golongan –golongan itu masing-masing berubah menjadi unsur-unsur kebudayaan campuran. Dengan demikian, biasanya golongan minoriti

berubah dan menyesuaikan diri dengan golongan majoriti, sehingga ciri-ciri khas dari kebudayaannya lambat-laun berubah dan menyatu dengan kebudayaan golongan majoriti. Koentjaraningrat juga berpendapat bahawa walaupun pergaulan intensif berlaku namun belum tentu terjadi proses asimilasi tanpa adanya sifat toleransi dan simpati antara kedua-dua golongan. Selain itu, asimilasi boleh jadi tidak berlaku disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai kebudayaan lain, kebimbangan akan kekuatan atau kelebihan yang dimiliki oleh kebudayaan tersebut dan perasaan bahawa kebudayaan sendiri lebih unggul dari kebudayaan lain.

Pada zaman penjajahan Belanda di Indonesia telah berlaku pembahagian kepada tiga kumpulan masyarakat iaitu orang Eropah (terutamanya Belanda dan lain-lain), *Vreemde Oosterlingen* (pendatang-orang Timur seperti orang Cina, India dan Arab) dan orang tempatan atau pribumi (terdapat pelbagai etnik seperti orang Bali, Jawa, Sunda dan sebagainya). Semasa zaman penjajahan, kedudukan orang Cina, Arab dan India lebih tinggi berbanding orang tempatan. Tambahan pula, perasaan *superior* dalam kalangan pendatang juga disebabkan oleh perbezaan penampilan fizikal. Pihak koloni Belanda telah membentuk satu polisi iaitu orang Cina tidak boleh berkhidmat sebagai pekerja sivil, justeru mereka meneruskan kehidupan dengan berniaga dan berdagang. Oleh hal itu, sehingga hari ini kekuatan perniagaan di Indonesia masih lagi dimonopoli oleh orang Cina di luar negara.

Pada zaman pemerintahan Suharto di Indonesia pada tahun 1966-1998 (Leo Suryadinata 2003), orang Cina diminta untuk segera untuk berintegrasi dan berasimilasi dengan masyarakat tempatan. Antara indikator sebagai proses asimilasi yang dilaksanakan oleh Suharto ialah membenarkan hanya satu akhbar yang mempunyai dwibahasa (bahasa Cina dan Indonesia) yang boleh dijual. Manakala pada tahun 1966, semua sekolah Cina ditutup dan penggunaan bahasa Cina tidak dibenarkan sama sekali. Dalam organisasi sosio-politik, orang Cina hanya dibenarkan sekiranya bergabung dengan warga asli tempatan sahaja, tidak boleh berdiri sendiri. Sebagai pembuktian kesetiaan kepada politik Indonesia, orang Cina menukar nama dengan nama orang Indonesia umumnya dan hal ini dikatakan asimilasi yang paling efektif pada zaman Suharto. Selepas kejatuhan Suharto dalam Rusuhan Mei 1998, orang Cina kembali bangkit dengan membentuk semula identiti dan etnik Cina juga lantang suarakan tentang keberadaan mereka. Tambahan pula, B.J. Habibie lebih mengesyorkan kepada demokrasi, justeru orang Cina telah mengangkat kembali bahasa dan budayanya terutama dalam penggunaan bahasa melalui medium institusi pengajian dan persekolahan disamping politik yang diikuti serta.

Lebih dari dua dekad selepas reformasi Suharto bermula, orang Cina di Indonesia tidak lagi berhadapan dengan asimilasi paksaan dan diskriminasi legislatif di bawah pemerintahan Suharto (Charlotte Setijadi 2016). Pengalaman proses asimilasi di Indonesia juga memakan masa yang lama dan panjang. Kebanyakan kebudayaan yang ada di Indonesia tidak menghilangkan ciri tertentu dari kebudayaannya dan belum terintegrasi sepenuhnya dalam kelompok

masyarakat yang ada. Menurut Poerwanti Hadi Pratiwi (t.th.), memandang setiap masyarakat mempunyai struktur sosial dan ekonomi yang berbeza, justeru keadaan tersebut seringkali mempengaruhi kepada proses asimilasi. Hadi Poerwanto (1976) mengatakan asimilasi memerlukan kepada toleransi dari individu dan kelompok masyarakat terlibat dalam proses tersebut. Hal ini hanya dapat berlaku apabila adanya interaksi sosial antara kelompok dalam keadaan harmoni bersandarkan dengan norma yang dipersetujui ramai. Selain itu, setiap ahli dalam masyarakat perlu mengelakkan dan mengurangkan berlakunya konflik sebaik mungkin bagi mencapai kestabilan. Dengan demikian, bagi membangunkan persefahaman antara etnik dan budaya perlu mengurangkan rasa prejudis dan stereotaip. Justeru dalam hal ini dikatakan perkahwinan campur merupakan proses asimilasi yang sangat efektif.

Masyarakat di Indonesia sendiri mengatakan tidak sepenuhnya berlaku asimilasi atau tidak berintegrasi sepenuhnya sebagai satu bangsa di Indonesia. Namun dicadangkan bahawa untuk membina sebagai sebuah negara bangsa perlu dimulai dengan asimilasi di peringkat lokal sebagai contoh apabila orang Cina berada di tanah Jawa, seharusnya menyerap budaya orang Jawa dan sekiranya boleh adaptasi dengan budaya setempat dianggap sebagai orang Jawa.

Harus difahami bahawa mengapa orang Cina di Indonesia tidak terasimilasi atau berintegrasi dengan masyarakat tempatan melalui latar belakang sejarah. Beberapa abad yang lalu, orang Cina dari pelbagai wilayah China seperti Kwantung, Fukien, Kwangsi dan Yunnan telah datang ke Indonesia disebabkan berlakunya penindasan dari pihak pemerintah (Hari Parwanto 1976). Kebanyakan mereka telah menetap di beberapa bahagian di Indonesia dan terdapat sesetengah dari para pendatang telah berkahwin dengan wanita tempatan memandangkan pada ketika itu tidak ada wanita Cina yang datang bersama-sama. Justeru, hasil perkahwinan campur melahirkan generasi peranakan yang dikatakan tidak berlaku asimilasi dan integrasi dalam masyarakat Indonesia. Hal ini disebabkan oleh pendatang dari China tidak putus-putus tiba di Indonesia terutama abad ke 18 dan 19 sehinggalah awal abad ke 20. Kebudayaan yang ada pada orang Cina tetap diamalkan memandangkan orang tempatan lebih banyak dipengaruhi oleh budaya orang India dan Islam yang pada ketika itu orang tempatan di Indonesia kebanyakannya beragama Islam.

Pengalaman masjid sebagai proses akulturasi, menurut Akh Muzakki (2010), masjid Cheng Hoo yang terdapat di Surabaya, Indonesia merupakan antara faktor utama dalam proses asimilasi bagi mengekalkan keharmonian dalam masyarakat. Hal ini disebabkan oleh masjid itu memainkan peranan sebagai menguatkan hubungan sosial, menyatupadukan komuniti dan boleh mengelakkan daripada berlaku konflik. Berdasarkan pengalaman yang pernah berlaku, orang Cina dan orang Islam yang merupakan dari kelompok yang berbeza dapat bersatu disebabkan agama atau nilai spiritual. Dalam kes Reformasi yang pernah berlaku di Indonesia, orang Cina-Islam ini dapat berada di masjid ini dan dapat mengelak dari

kelompok sentimen anti-Cina. Proses akulturasi dan asimilasi dalam berlakunya integrasi dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai kebudayaan sangat berkait rapat. Realiti sosialisasi di Indonesia khususnya proses asimilasi orang Cina terhadap kebudayaan orang tempatan belum terintegrasi. Hal ini disebabkan masih berlaku *exclusion* oleh golongan majoriti dan *inclusion* dalam kelompok mereka sendiri. Indonesia tetap dengan mengkomersialkan *multiculturalism* agar dapat mengintegrasikan budaya Cina dan tempatan namun masih berlaku *stereotaip* sebagai orang yang tamak dan terasing juga ada yang mengatakan berbahaya serta prejudis kepada budaya orang Cina yang dikatakan bukan penduduk asal (Gregory S. Urban 2013). Dalam hal ini, tidak mustahil berlaku *marginalization* dan diskriminasi terhadap orang Cina sebagai warga pendatang suatu ketika dahulu dan golongan minoriti.

Umumnya, di Malaysia, pemerintah dan masyarakat sedaya upaya untuk tidak mengubah atau menghilangkan kebudayaan masing-masing. Justeru negara bangsa perlu penilaian yang teliti dan kajian yang mendalam bagi mencadangkan proses asimilasi dan mewujudkan integrasi kepada seluruh etnik di Malaysia. Walau bagaimanapun, asimilasi boleh berlaku dalam pelbagai aspek tanpa menghilangkan kesemuanya memandangkan kebudayaan mempunyai beberapa ciri. Perlu difahami konsep kebudayaan dalam antropologi adalah sebagai sistem iaitu sistem pelambangan vokal iaitu bahasa, sistem pengetahuan, sistem organisasi sosial, sistem peralatan hidup dan teknologi, sistem mata pencarian hidup, sistem agama dan kesenian (Koentjaraningrat 2003). Asimilasi boleh juga berlaku dalam perkongsian nilai yang sama. Proses pembinaan suatu sistem nilai sepunya perlu menimbangkan kemajmukan budaya (*cultural plurality*) serta elemen 'hak' dan 'kepentingan' setiap komponen masyarakat semasa mencadangkan, mengenalpasti dan merumus tatacara yang 'betul' dan 'salah' (Zurina Mahadi & Hukil Sino 2006). Proses reproduksi kebudayaan merupakan proses aktif yang menegaskan keberadaannya dalam kehidupan sosial sehingga mengharuskan adanya adaptasi bagi kelompok yang memiliki latar belakang kebudayaan yang berbeza.

Asimilasi dianggap suatu perkara yang baik dalam aspek politik bagi penubuhan negara-bangsa, namun tidak bagus pada mereka yang mempunyai dogmatik pada nilai adat sendiri kerana mengangkat *superior*. Begitu juga pada kelompok yang satu lagi akan beranggapan sebagai nilai *rasisme* kerana tidak suka kepada nilai budaya atau adat yang mereka bawa dari negara asal. Situasi ini merupakan cabaran dan halangan sejak sekian lama di Malaysia sehingga membantutkan usaha pembinaan Bangsa Malaysia dan negara-bangsa yang bersatu padu dalam identitinya yang satu. Disebabkan wujudnya sifat *superior* dan anggapan berlakunya *rasisme* di Malaysia, ditambah pula dengan pendekatan pemimpin Malaysia sejak dahulu yang banyak bertoleransi dan berkompromi dengan kaum-kaum utama, maka proses membina negara-bangsa Malaysia

memerlukan kaedah lain yang berbeza berbanding pelaksanaan di Indonesia. Proses ideal yang dianggap oleh pandangan pemerintah tentu sahaja mengambil masa yang lama bagi berlakunya integrasi dalam masyarakat pelbagai etnik.

NEGARA-BANGSA DAN PERPADUAN NASIONAL: PENGALAMAN MALAYSIA

Sebagai perbandingan, kemajmukan wujud di Malaysia dan Indonesia namun mungkin sedikit berbeza dari segi latar belakang sejarah keduanya. Furnivall (1948) melihat pembentukan masyarakat majmuk disebabkan tindakan pemerintah yang menggalakkan migrasi ekonomi atas kepentingan penjajahan. Faktor ini juga dilihat mempunyai perkaitan dan sesuai dengan sejarah penjajahan Tanah Melayu yang membawa kepada kewujudan masyarakat majmuk. Walaupun Furnivall memberi contoh Burma dan Indonesia dalam menerangkan konsep masyarakat majmuk, namun hujah beliau secara tidak langsung menyokong situasi kemajmukan yang juga berlaku di Malaysia. Masyarakat majmuk didefinisikan sebagai *“people who are characterized by division and conflict between human groups which are under a political system”* (Furnivall, 1948). Walaupun konsep itu merujuk kepada kemajmukan masyarakat Indonesia di bawah penguasaan kolonial Belanda, ramai yang menjadikan ianya sebagai literatur asas dalam membincangkan masyarakat berbilang kaum. Malah, Robert Hefner (2001) menganggap bahawa persamaan Malaysia dan Indonesia sebagai masyarakat plural disebabkan masyarakat Malaysia terbentuk menerusi *“two or more elements of social orders which live side by side, yet without mingling, in one political unit”*.

Kemajmukan merupakan satu isu manakala menyatukan kemajmukan pula merupakan satu isu lain yang berkait rapat dengan usaha membina identiti kebangsaan dan perpaduan nasional. Isu perpaduan nasional sering menjadi salah satu agenda yang dibincangkan di mana-mana negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik. Perpaduan nasional adalah salah satu faktor penyumbang kepada kestabilan politik yang tidak boleh diabaikan dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Namun begitu, perbincangan mengenai sejauh mana tahap pembinaan Bangsa Malaysia dan perpaduan nasional di negara ini masih menjadi tanda tanya dan terus dibahaskan para sarjana bidang berkaitan. Pembinaan negara-bangsa Malaysia perlu diteliti sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957 (Suhana, Lyndon, Sivapalan, Sarmila, Zaimah, Azima 2013). Walaupun usaha untuk mengintegrasikan masyarakat telah dijalankan sejak zaman sebelum kemerdekaan lagi, namun perpaduan sebenar yang diharapkan masih belum tercapai sepenuhnya memandangkan konsep Bangsa Malaysia juga belum memperlihatkan standard yang diinginkan.

Perpaduan nasional yang terhasil daripada pembentukan sebuah negara-bangsa yang berjaya merupakan matlamat utama dalam usaha membentuk sebuah

negara yang teguh, bersatu padu, utuh dan selamat dalam jangka masa yang panjang. Malaysia mempunyai proses dan acuannya tersendiri dalam merangka perpaduan dan integrasi iaitu amalan demokrasi permuafakatan (*consociationalism*) yang bertanggungjawab membentuk corak hubungan antara kaum di Malaysia (Abd Muis 2009). Malah, konsep ini terbit daripada konsensus yang dicapai melalui Kontrak Sosial yang dipersetujui kelas elit kaum-kaum utama yang menjadikan permuafakatan sebagai kerangka asas pembentukan Perlembagaan Malaysia (Abd Muis, Hussin & Azmier Mohamed 2011). Mohd Rizal & Shamrahayu (2014) mengatakan biarpun istilah 'kontrak sosial' diketahui tidak wujud secara dasar dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, namun dari perspektif sejarah ia adalah realiti yang mentakrifkan sifat negara kerana dokumen tersebut telah menggariskan asas keadilan ekonomi, politik dan kebudayaan antara kaum, sekali gus menjadi asas kepada kestabilan sosial masyarakat Malaysia sejak merdeka pada 31 Ogos 1957.

Dari segi pentadbiran kerajaan selepas kemerdekaan, kebiasaan atau amalannya, kerajaan dibentuk dengan menggabungkan kerjasama pemimpin pelbagai kaum tetapi parti-parti politik yang membentuk kerajaan masih berdiri berasaskan kaum atau etnik masing-masing. Penyatuan pelbagai kaum dalam sebuah entiti politik telah bermula sejak 1952 apabila UMNO memulakan kerjasama dengan MCA diikuti penyertaan MIC pada tahun 1955 dalam Parti Perikatan untuk mendapatkan sokongan masyarakat berbilang kaum dalam pilihan raya umum pertama negara. Seterusnya penubuhan Barisan Nasional (BN) menggantikan Parti Perikatan pada 1974 merupakan salah satu kaedah pemulihan ketegangan kaum pasca peristiwa 13 Mei 1969. Kaedah ini menggabungkan lebih banyak parti dalam satu entiti bagi mengurangkan politiking dan menumpukan penggembengan tenaga ke arah perpaduan dan pembangunan nasional. Kesepakatan pelbagai parti komponen dalam BN dalam menentukan setiap dasar dan keputusan parti dipercayai menjadi formula berkesan para pemimpin sebagai *role model* permuafakatan terhadap rakyat. Hubungan dan kerjasama ini adalah satu cerminan yang menerangkan konsep *consociationalism* yang diamalkan kerajaan dalam urusan pentadbiran yang diharapkan mencorak permuafakatan antara kaum dan pembinaan perpaduan nasional sepertimana berlakunya persetujuan Kontrak Sosial suatu ketika dahulu.

Walaupun negara pernah melalui konflik hubungan kaum pada 1969, ia tidak menggambarkan ketegangan kaum secara merata di seluruh negara. Kerajaan mengambil inisiatif yang menumpu ke arah merapatkan jurang dan pembinaan semula hubungan etnik dengan menekankan unsur "perpaduan" dan "integrasi" dalam kehidupan masyarakat melalui pelaksanaan dasar-dasar negara. Malah, kedua-dua perkataan tersebut diangkat sehingga ke paras mantra sosial sejak Rukunegara diilhamkan oleh kepimpinan Tun Abdul Razak sebagai usaha secara sedar dan tersusun dalam membentuk perpaduan dan integrasi nasional (Mohd Rizal & Shamrahayu 2014). Usaha membina perpaduan melalui permuafakatan

dan pemeliharaan identiti setiap etnik merupakan sebahagian daripada strategi acuan Malaysia ke arah pembentukan negara-bangsa. Walaupun keberkesannya tidak se pantas seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain tetapi apa yang hendak dicapai umpama “menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak”. Pelaksanaan konsep ini disandarkan kepada pembentukan dasar-dasar negara yang bermatlamatkan pemupukan perpaduan dan pembinaan identiti nasional dengan penyatuan pelbagai unsur kebudayaan. Dua perkara asas yang perlu diketahui untuk memahami suasana sensitif proses politik Malaysia ialah keetnikan adalah keutamaan dan Melayu/Bumiputera sebagai tonggak dan pemegang kuasa eksekutif (Suhana Saad et. al 2013).

Pembinaan bangsa Malaysia walaupun dikatakan belum mencapai tahap yang diidamkan namun tidak sesekali dinafikan bahawa ia sedang melalui proses kemunculan dalam keadaan stabil dan berintegrasi hasil langkah-langkah yang diambil kerajaan. Momentum proses tersebut perlu dikekalkan dan berada pada landasan yang betul sekiranya kerajaan mengekalkan pendekatan memelihara keharmonian. Matlamat ini boleh dicapai sekiranya ekonomi negara berada dalam prestasi yang baik agar dapat merangsang program-program pembangunan masyarakat dan negara; mengawal sifat berpuak-puak dengan mewujudkan ketenteraman awam; mengukuhkan kebudayaan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat (Suhana Saad et. al 2013). Strategi ini merupakan perkara biasa dan kemestian bagi setiap kerajaan atau pemerintah dalam menjalankan tanggungjawabnya memastikan kesejahteraan kehidupan rakyat. Walaubagaimanapun dalam konteks Malaysia, pelaksanaan hal-hal tersebut perlu tertakluk kepada dua perkara asas yang telah dinyatakan tadi.

Fakta dan realiti kemajmukan kaum di Malaysia serta peruntukan istimewa Melayu/Bumiputera dalam Perlembagaan Persekutuan sebenarnya mudah difahami namun sukar dihayati jika tiada penerimaan terhadap apa yang telah termaktub. Kedudukan dan pelaksanaan unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan tidak pernah sunyi daripada kritikan dan persoalan kerana etnik bukan Melayu/Bumiputera merasakan bahawa unsur-unsur tradisi ini menjadikan sistem yang wujud di negara ini tidak demokratik (Nazri Muslim 2012). Dalam usaha untuk mengekalkan keharmonian, proses pengintegrasian perlu diterima dalam suasana toleransi dan kompromi yang jitu. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang digubal Suruhanjaya Reid menekankan betapa pentingnya sesebuah perlembagaan digubal dengan mengambil kira faktor sejarah, tradisi, ekonomi dan sosial masyarakat sejak sebelum kemerdekaan. Unsur tradisi seperti kedudukan agama Islam, hak istimewa Melayu dan bahasa Melayu sering menjadi konflik dalam masyarakat (Nazri Muslim, Jamsari Alias, Wan Zulkifli, Azizi Umar, Nasrudin Yunus 2013). Namun unsur-unsur inilah yang perlu diterima dan diangkat sebagai identiti kebangsaan, manakala status dan kepentingan masyarakat bukan Melayu/Bumiputera juga tidak boleh diketepikan apatah lagi dinafikan. Tentunya prinsip ini digunapakai dalam setiap pertimbangan untuk

menggubal dan melaksanakan dasar-dasar negara yang bermotifkan perpaduan nasional melalui pemeliharaan tradisi secara bersama sepertimana Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Hal ini berbeza dengan pengalaman pembinaan perpaduan negara-bangsa negara lain seperti Amerika Syarikat. Masyarakat pendatang awal kulit putih di sana menjadikan elemen *White Anglo-Saxon Protestant* sebagai asas kebudayaan dan identiti nasional untuk diterima oleh masyarakat pendatang yang terkemudian. Senario yang sama turut berlaku di Thailand dan Indonesia apabila golongan etnik minoriti dikenakan proses asimilasi terhadap tradisi kebudayaan etnik majoriti. Hal-hal seperti kompromi, permuafakatan dan penerimaan unsur kebudayaan kaum lain tidak menjadi pilihan seperti yang dilakukan di Malaysia. Dengan kata lain, pembentukan identiti kebangsaan di negara berkenaan adalah rigid dengan mengenakan unsur paksaan menerima tradisi kebudayaan masyarakat asal atau penduduk yang paling awal di sesebuah negara tertentu. Manakala masyarakat pendatang atau etnik minoriti dimestikan untuk berasimilasi agar setiap rakyat negara berkenaan mempunyai identiti negara-bangsa (Wan Norhasniah 2011). Tidak dinafikan kaedah tersebut dilihat lebih berjaya dan memperlihatkan kesan pembentukan bangsa dan kesatuan identiti yang lebih baik seperti yang terlihat di Indonesia berbanding kaedah diplomasi dan berkompromi.

Walaubagaimanapun, satu lagi kebarangkalian yang perlu dipandang serius ialah, apabila pemerintah mengenakan paksaan sedemikian, wujud penentangan, pemberontakan atau gerakan pemisah di wilayah tertentu disebabkan penolakan atau ketidakakuran terhadap dasar pemerintah yang mengenakan paksaan berasimilasi. Hal ini dibuktikan dengan konflik paling lama di Asia Tenggara iaitu di wilayah Selatan Thai yang masih lagi berlaku hingga sekarang disebabkan perjuangan mempertahankan unsur tradisi etnik minoriti Melayu Islam. Walaupun dihipit dengan tekanan dari Bangkok, masyarakat Melayu Islam Selatan Thai masih tetap mempertahankan identiti Melayu Pattaninya. Penduduk di tiga daerah, Pattani, Yala dan Narathiwat tidak merasakan diri mereka sebahagian daripada Siam kerana mempunyai latar belakang yang berbeza dengan masyarakat Siam Thai di wilayah utara (Mohd Mizan 2012). Penduduk Melayu Islam dipaksa mengamalkan bahasa, corak pakaian, pendidikan, sejarah dan adat budaya yang berteraskan elemen Siam-Buddha, malahan mereka menolak apabila dikelaskan sebagai Thai-Muslim sedangkan mereka bukan berketurunan Thai dan tetap berpegang kepada tradisi Melayu yang berpaut kepada agama Islam (Che Mohd Aziz 2011). Penggunaan identiti diri perlu menggunakan nama Siam, nama-nama kampung ditukar kepada istilah Siam serta menafikan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan jawi (Mohd Mizan 2012) merupakan perkara pokok yang menyebabkan konflik di Selatan Thai sentiasa bergelora.

Jelas, paksaan berasimilasi tidak semestinya berjaya di semua negara yang mencuba untuk membina identiti kebangsaan dan membentuk perpaduan nasionalnya. Perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu juga melibatkan

pertumpahan darah dan kekerasan, namun rakyat memberi mandat kepada Parti Perikatan dalam suasana demokrasi untuk mencapai kemerdekaan dengan jalan rundingan dan diplomasi. Fakta ini sesuai untuk menjadi asas mengapa negara ini tidak mengenakan kekerasan terhadap rakyatnya walaupun dengan tujuan murni untuk pembinaan identiti kebangsaan dan perpaduan nasional, pilihan paksaan atau kekerasan adalah bukan penyelesaian tuntas. Memelihara keharmonian masyarakat pelbagai etnik adalah keutamaan yang lebih penting dalam menentukan tahap keamanan dan perpaduan negara. Walaupun langkah ini dilihat kurang berkesan berbanding tindakan pemerintah Indonesia namun inilah cara Malaysia, wadah dan acuan yang sesuai dengan latar belakang kemajmukan, sensitiviti dan nilai-nilai kehidupan masyarakatnya.

Melihat dari sudut pandang yang lain, polarisasi hubungan etnik di Malaysia masih wujud dan perlu ada elemen kawalan yang berterusan agar tidak mencetuskan kekacauan sosial. Kaedah mengawal dan menangani isu-isu sensitif dilakukan secara *bottom up* dan *top down* bagi memperlihatkan realiti kemajmukan di negara ini yang bersifat fleksibel. Perpaduan ialah kesamaan atau kesatuan, hakikatnya perpaduan yang diidamkan masih belum wujud dan berkemungkinan bersifat utopia yang tidak dapat dilaksanakan (Shamsul Amri 2016). Kerangka konseptual yang diutarakan dalam menggambarkan hubungan etnik di Malaysia ialah suatu bentuk hubungan yang rapuh, retak dan penuh dengan pertentangan dan persengketaan. Gambaran ini boleh disimpulkan sebagai suatu kerangka konseptual yang berorientasikan paradigma konflik. Oleh itu, konsep yang berhubung kait dengannya seperti konsep polarisasi, segregasi, ketegangan, persaingan, persengketaan, pertentangan, perbezaan atau perpecahan digunakan sebagai alat analisis dan pengukur untuk memahami permasalahan tersebut di Malaysia.

Shamsul Amri (2016) seterusnya mengatakan dalam kehairahan mengangkat paradigma konflik sebagai teras dan orientasi memahami permasalahan yang wujud di Malaysia, realitinya tahap kehidupan harian masyarakat awam berada dalam kesepaduan sosial yang relatifnya adalah bersifat aman dan stabil. Dalam tempoh lebih daripada empat dekad yang lalu Malaysia secara relatifnya masih belum goyah dengan konflik etnik mahupun konflik agama namun kadang-kadang kesannya boleh mengancam perpaduan sedia ada. Keadaan ini adalah realiti kehidupan sosial yang wujud di Malaysia dan jarang diungkapkan para sarjana kajian etnik. Realiti yang lebih positif, dominan serta lebih terserlah secara umumnya terlepas pandang daripada penghujahan para sarjana kajian etnik. Keadaan ini adalah kerana sudut pandang melalui paradigma konflik dan situasi negatif terlalu lama mendominasi wacana etnik di Malaysia sehingga ianya seolah-olah diterima sebagai sesuatu yang masih berlarutan dan sukar diatasi.

PENUTUP

Gambaran yang diberikan Furnivall (1948) mengatakan masyarakat majmuk sebagai “bergaul tapi tidak bercantum” (*do mix but do not combine*) adalah menepati ciri-ciri sosial di Malaysia sejak sebelum kemerdekaan Tanah Melayu dan situasi tersebut masih boleh dilihat hingga ke hari ini jika diamati sosiobudaya masyarakat majmuk negara ini. Perkara yang sering dibicarakan dalam wacana ilmiah ialah adakah benar wujud apa yang dikatakan Kontrak Sosial di negara ini. Realitinya ia benar ada, tetapi sedikit berlainan jika dibandingkan dengan negara lain khususnya di Barat. Hal ini kerana Kontrak Sosial di Malaysia timbul daripada wacana falsafah politik berkaitan dengan kebebasan asasi. Senario ini membawa kita kepada persoalan berkenaan etnik yang berkait rapat dengan isu perpaduan, keselamatan politik serta sosial negara. Hakikatnya kepentingan kaum adalah faktor utama dalam membincangkan hampir semua isu perpaduan nasional sebagai aspek penting keselamatan negara (Mohd Rizal & Shamrahayu 2014). Shamsul Amri (2009) menerangkan seperkara yang menarik dalam memahami sosio politik dan budaya masyarakat Malaysia ialah keupayaan mereka untuk terus-menerus hidup dalam keadaan “ketegangan yang stabil” atau *stable tension*. Hal ini terbentuk mengikut acuan pensejarahan yang panjang dan unik sejajar dengan perkembangan Malaysia sebagai sebuah negara bermasyarakat majmuk. *Stable tension* yang dimaksudkan adalah sifat hubungan kaum di Malaysia yang sentiasa tegang namun terkawal dan tenang silih berganti. Walaupun demikian, ianya masih berlangsung dalam suasana harmonis yang tidak menjejaskan kepentingan dan survival sosioekonomi masing-masing.

Pengenalan gagasan 1Malaysia pula merupakan antara slogan dengan falsafahnya yang tersendiri untuk membentuk jiwa dan kesediaan masyarakat mengamalkan toleransi dan penerimaan dalam pelbagai aspek bermasyarakat dan bernegara. Perdana Menteri dalam ucapannya secara ringkas menyebut berkenaan konsep tersebut:

“1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.” (Pejabat Perdana Menteri 2009).

Pelaksanaan ke arah matlamat gagasan 1Malaysia tidak semudah kata-kata. Sesetengah pihak beranggapan gagasan ini sekadar slogan politik melambangkan kepimpinan Perdana Menteri Najib Razak, manakala sebahagian yang lain masih ragu-ragu dengan sejauh mana keberkesanan idea tersebut ke arah pembinaan masyarakat yang menerima konsep Bangsa Malaysia. Bagi masyarakat Cina dan India, 1Malaysia bermaksud tidak wujud lagi hak-hak istimewa orang Melayu iaitu pemansuhan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Tafsiran orang Melayu pula 1Malaysia bermaksud satu sistem persekolahan sahaja, sistem nasional yang

sebenarnya dan tulen dalam segala erti, makna dan bentuk, perkongsian kekayaan negara seadil mungkin dan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan kekal (Abdullah Ahmad 2012). Anggapan seperti ini merupakan cabaran terbesar yang perlu diatasi memandangkan setiap kaum mempunyai pemahaman yang berbeza-beza sehingga menimbulkan konflik idea dan perselisihan pemikiran. Lebih memburukkan keadaan kecelaruan tersebut dikhuatiri merencatkan proses pembentukan perpaduan nasional dan identiti kebangsaan yang telah diusahakan sejak sekian lama.

Acuan besar dalam konteks masyarakat pelbagai etnik tidak bersifat statik, tetapi sentiasa dinamik dalam proses pengukuhan berterusan yang didukung oleh struktur sosial, ekonomi, politik dan budaya. Dalam konteks Malaysia, proses transformasi hubungan etnik tersebut berlaku secara umumnya melalui rundingan sosial yang berterusan antara faktor sosial dalam masyarakat awam untuk memenuhi kepentingan masing-masing. Hakikatnya dalam mengekalkan perpaduan ianya merupakan satu proses yang rumit dan hanya akan dapat dijayakan jika rakyat memahami kepentingan negara dalam menyemai rasa toleransi tanpa sifat prasangka, stereotaip dan etnosentrisme dalam diri masing-masing.

RUJUKAN

- Abd Muis, Mujibu, Zaliha Hussin & Badrul Azmier Mohamed. 2011. “*Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12*” dalam Mohd Azizuddin Sani & Abdul Rahman Abdul Aziz [eds]. *Agenda Ketahanan Nasional Malaysia*. Sintok: IPDM [Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir] dan UUM [Universiti Utara Malaysia], ms.31-58.
- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Penerbit UKM: Bangi.
- Abdul Rahman Ismail. 2007. *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ahmad. 2012. *Berani Tanpa Segan*. Kuala Lumpur: Karangkrak Sdn. Bhd.
- Akh Muzakki. 2010. Cheng Hoo Mosque: Assimilating Chinese Culture, Distancing it from the state. *Centre for Research on Inequality, Human Security and Ethnicity (CRISE)*, no. 17, pp. 1-29.
- Chang Yau Hoon. 2006. Assimilation, multiculturalism, hybridity: the dilemmas of ethnic Chinese in Post-Suharto Indonesia. *Asian Ethnicity*, Vol. 7 (2), pp. 146-199.
- Charlotte Setijadi. 2016. Ethnic Chinese in contemporary Indonesia: changing identity politics and the paradox of sinification. *Yusof Ishak Institute Share Their Understanding Of Current Events (ISEAS Yusof Ishak Institute)*, 12: 1-11.

- Che Mohd Aziz Yaacob. 2011. Isu dan Penyelesaian: Konflik Pemisah di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol 38 (1): 13-34.
- Furnivall, John. 1948. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York: New York University Press
- Gregory S. Urban. 2013. The eternal newcomer: chinese indonesian identity from Indonesia to the United States. *LUX: A Journal Of Transdisciplinary Writing And Research Form Claremont Graduate University*. Vol. 3(1), pp. 1-11.
- Hari Poerwanto. 1976. The problem of Chinese assimilation and integration in Indonesia. *Philippine Sociological Review*, 24:51-55.
- Hefner, Robert. 2001. *The Politics of Multiculturalism, Pluralism, and Citizenship in Malaysia, Singapore, and Indonesia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koentjaraningrat. 2003. Pengantar Antropologi – Jilid 1. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Kua Kia Soong. 1985. *National Culture and Democracy*. Petaling Jaya: Kersani.
- Lee Lam Thye. 2013. Malaysia's Unity and Its Challenge .Speech. Retrieved December 23, 2016, from <http://globalpeace.org.my/2013/10/malysias-unity-its-challenges-tan-sri-lee-lam-thye-trustee-of-1malaysia-foundation/>
- Lee Lam Thye. 2017. *Uniting Anak-anak Malaysia*. Yayasan 1Malaysia Official Website. <http://yayasan1malaysia.org/2017/01/01/uniting-anak-anak-msia/#.WM9EoNKGNgd>. [16 Disember 2016].
- Leo Suryadinata. 2003. Kebijakan negara Indonesia terhadap etnik Tionghoa: Dari asimilasi ke multikulturalisme? *Antropologi Indonesia*, 71, pp. 1-12.
- Mohd Mizan Aslam. 2012. Penyelesaian Konflik Selatan Thailand Dengan Menggunakan Model Gagasan 1Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*. Vol. 1: 137-152.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. 2009. Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah Dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Jebat*. Vol. 36: 90-106.
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz. 2014. *Kontrak sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2009. Falsafah dan Pendidikan di Malaysia. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Nazri Muslim. 2012. Implikasi Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia. *Kemanusiaan Vol. 19, No. 2*: 19-62.
- Nazri Muslim, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan, Azizi Umar, Nasrudin Yunos. 2013. Analisis Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dalam Konteks Hubungan Etnik. *Jurnal Melayu Jilid 11*:63-77.

- Pejabat Perdana Menteri. 2009. Booklet 1Malaysia. Putrajaya, Malaysia: Pejabat Perdana Menteri.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan(PIPP) 2006 - 2010*.
- Poerwanti Hadi Pratiwi. T.th. Asimilasi dan Akulturasi: sebuah tinjauan konsep. Diperoleh dari <http://staff.uny.ac.id/sites/default/files/pengabdian/poerwanti-hadi-pratiwi-spd-msi/asimilasi-akulturasi.pdf> pada 5 Mac 2017.
- Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail, Zaini Othman. 2005. *Kenegaraan Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- S. Takdir Alisjahbana. 1982. Sejarah Kebudayaan Indonesia dilihat dari segi nilai-nilai. Jakarta: PT. Dian Rakyat.
- Sarah Turner. 2003. Setting the scene speaking out: Chinese Indonesians after Suharto. *Asian Ethnicity*, vol. 4(3), pp. 337-352.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2009. "Melestari Perpaduan, Memperkukuh Integrasi: Konsep Satu Malaysia sebagai Wahana Terkini" dalam *Kumpulan Dokumen-dokumen Seminar Gagasan Satu Malaysia: Kesenambungan Satu Perjuangan*. Kuala Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu & Universiti Malaya.
- Shamsul Amri Baharudin & Anis Yusal Yusoff. 2014. *Perpaduan, Kesepaduan, Penyatupaduan*. Kuala Lumpur: Intitut Terjemahan Buku Negara dan Insitut Kajian Etnik.
- Shamsul Amri Baharudin. 2009. *Managing A "Stable Tension", Ethnic Relations In Malaysia Re-Examined*. https://www.academia.edu/10432277/Managing_a_Stable_Tension. [23 Mei 2016].
- Shamsul Amri Baharudin (penyt). 2016. Edisi Kedua. *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.
- Shamsul Amri Baharudin. 1997. The making of a 'plural' Malaysia: a brief survey. Dlm. D.Y.U. Wu, H.MacQueen & Yamamoto Y (pnyt.) *Emerging pluralism in 50 Asia and the Pacific*, pg 67-83. Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.
- Suhana Saad, Lyndon N., S. Selvadurai, M.S. Sarmila, R. Zaimah, A.M Azima. 2013. Malay Politics and Nation State in Malaysia. *Aisan Social Sciences*. Vol. 9 No. 8: 96-100.
- Wan Norhasniah Wan Husin. 2011. Nation-Building And 1Malaysia Concept: Ethnic Relations Challenges In The Educational Field. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol. 1 No. 9 [Special Issue – July 2011] : 228-237.
- Yusfarina Mohd Yussof & Abdul Rasid Jamian. 2011. Pembinaan Negara Bangsa Dan Identiti Kebangsaan Melalui Pemeraksanaan Bahasa Dalam Sistem Persekolahan. *Diges Pendidik*. Jilid 11, Bil 1/2011: 10-16.

Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka
Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim & Nurliana
Suhaini

Zurina Mahadi & Hukil Sino. 2006. Hubungan nilai masyarakat dan pembangunan: satu analisa. *Jurnal Pengajian Umum*, Universiti Kebangsaan Malaysia, bil. 8, pp. 77-94.